

TEKS UCAPAN

**YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL
TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

**PENGGULUNGAN USUL MENJUNJUNG KASIH TITAH
UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI PERTUAN
AGONG**

**DI DEWAN RAKYAT BAGI
MESYUARAT PERTAMA,
PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

31 JULAI 2018

(SELASA)

MUKADIMAH

Dato' Yang di-Pertua,

1. Saya mulakan ucapan saya dengan membaca sepotong ayat quran dari Surah Al'Isra ayat 26-27:
2. *“Dan berikanlah kepada keluargamu, dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing; dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau. Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara Syaitan, sedang Syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya.”*
3. Ibn Kasir mentafsirkan ayat ini penegasan untuk berbakti kepada ibu bapa, menjaga hak kaum keluarga dan membantu orang miskin serta sikap boros yang dibenci oleh Allah SWT. Hari ini adalah hari yang ke-83 Kerajaan Pakatan Harapan mentadbir Malaysia. Alhamdulillah, atas limpah kurnia, serta inayah-Nya, negara ini melalui proses transisi kuasa dengan keadaan yang aman. Bermula 10 Mei 2018 sehingga ke hari ini, tekad kami adalah untuk memastikan agenda reformasi terus diperjuangkan dan menjadi teras di semua peringkat lapisan masyarakat

menerusi semua agensi Kerajaan, khususnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

4. John Rawls dalam mentakrifkan teori keadilan, menghuraikan keadilan itu sebagai kesaksamaan. Dengan izin, "*Justice as Fairness*". Oleh itu, setiap agihan kekayaan negara harus diagihkan seadil-adilnya. Masyarakat harus dididik mengetahui hak dan sumbangan mereka kepada negara. Negara bangsa yang merdeka adalah apabila rakyatnya tahu akan haknya. Maka, sejak mula mengemudi Kementerian ini, pelbagai perubahan telah dirancang dan akan diterapkan melalui pelaksanaan dasar-dasar dan polisi baharu. Pada masa yang sama, suka juga saya menekankan bahawa isu-isu yang menghimpit golongan sasar memerlukan penyelesaian menyeluruh dan merentasi agensi atau yang dikenali sebagai "*wicked issues*". Ini bermaksud isu-isu yang memerlukan penyelesaian holistik yang mana sekiranya ditangani secara terburu-buru boleh membawa dengan izin *unintended consequences*. Malah pelaksanaan atau penyelesaiannya memerlukan banyak *political will* dari semua pihak termasuk pembangkang.

5. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua ahli-ahli Dewan Rakyat khususnya **YANG BERTHORMAT JOHOR BHARU, YANG BERTHORMAT PORT DICKSON, YANG BERTHORMAT PASIR MAS, YANG BERTHORMAT SIBUTI, YANG BERTHORMAT BUKIT GELUGOR, YANG BERTHORMAT PARIT SULONG, YANG BERTHORMAT TENOM, YANG BERTHORMAT MERBOK, YANG BERTHORMAT RANTAU PANJANG, YANG BERTHORMAT LEDANG, YANG BERTHORMAT BATU KAWAN, YANG BERTHORMAT LANANG, YANG BERTHORMAT Pengerang, YANG BERTHORMAT BATANG LUPAR, YANG BERTHORMAT SIBU, YANG BERTHORMAT BEAUFORT, YANG BERTHORMAT PETALING JAYA, YANG BERTHORMAT KEPALA BATAS DAN YANG BERTHORMAT HULU SELANGOR** yang amat prihatin dan telah menyentuh isu-isu berkaitan dengan kementerian di bawah tadbir saya.

ISU

PERKAHWINAN

BAWAH UMUR

Dato' Yang di-Pertua,

6. Izinkan saya memberikan **penjelasan ke atas ISU-ISU YANG BERBANGKIT semasa sesi Perbahasan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong oleh ahli-ahli Yang Berhormat.**

7. **YANG BERHORMAT BUKIT GELUGOR, YANG BERHORMAT BATU KAWAN dan YANG BERHORMAT Pengerang** telah membangkitkan isu mengenai perkahwinan bawah umur. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa konsisten dalam mengambil pendirian bahawa kanak-kanak perlu diberi peluang untuk mengembangkan potensi sepenuhnya selaras dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak atau *Convention on the Rights of the Child* (CRC). Perkahwinan bawah umur terbukti memberi tekanan dari segi fizikal dan mental yang merangkumi pelbagai aspek seperti kesihatan, pendidikan, sosial dan kewangan terhadap seorang kanak-kanak, terutamanya kanak-kanak perempuan.

8. **YANG BERHORMAT BUKIT GELUGOR**, Kementerian telah memperoleh statistik kanak-kanak berkahwin bagi Muslim daripada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dan bukan Muslim daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) seperti yang telah dijawab dalam sesi Pertanyaan-Pertanyaan Bagi Jawab Lisan pada 18 Julai 2018. Menyedari bahawa statistik berkaitan perkara ini berada di bawah beberapa agensi yang berbeza seperti Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan JKSM, dan juga di negeri-negeri, saya amat berharap semua agensi berkaitan dapat bekerjasama dengan Kementerian agar jaringan data dan statistik yang tepat, terkini dan komprehensif dapat diwujudkan.

9. Statistik perkahwinan bawah umur berbeza antara lelaki dan perempuan yang dibangkitkan oleh **YANG BERHORMAT BATU KAWAN** bagi data 968 orang adalah merujuk kepada mereka yang berumur 12 hingga 20 tahun yang berkahwin dengan pasangan dewasa (203 orang kanak-kanak perempuan dan 765 orang kanak-kanak lelaki). Manakala data 212 orang yang dikemukakan dalam jawapan pula merujuk kepada kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berumur 12 hingga 17 tahun sahaja yang berkahwin dengan orang dewasa. Dalam hal ini, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), JKSM

dan JPN telah mengambil inisiatif untuk mengkonsolidasi data perkahwinan dan penceraian untuk kegunaan di masa akan datang.

10. Kerajaan menyambut baik semua cadangan yang telah dikemukakan seperti penetapan had umur minimum bagi perkahwinan di dalam semua perundangan kepada 18 tahun, cadangan Rang Undang-Undang Had Umur Perkahwinan serta cadangan untuk mengadakan perbincangan bersama Majlis Raja-Raja untuk menyelaraskan umur perkahwinan kanak-kanak di Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah. Semua perkara tersebut kini dalam penelitian Menteri yang berkaitan.
11. Mengenai cadangan penubuhan satu Suruhanjaya Kanak-Kanak yang dicadangkan oleh **YANG BERHORMAT Pengerang**, Kementerian bersedia mengkaji cadangan ini termasuk melihat kesesuaian pewujudan sebagai suruhanjaya bebas baharu atau diletak di bawah Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM).
12. Mengenai pertanyaan **YANG BERHORMAT Pengerang** dan **YANG BERHORMAT Batang Lumar** sama ada Mahkamah Khas Jenayah Seksual Kanak-kanak akan dibubarkan, ingin

dijelaskan di sini bahawa buat masa ini tiada perancangan untuk membubarkan Mahkamah Kanak-Kanak yang diperuntukkan di bawah Bahagian IV Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611] mahupun Mahkamah Khas Jenayah Seksual Kanak-kanak di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 [Akta 792].

ISU TASKA

Dato' Yang di-Pertua,

13. **YANG BERHORMAT PARIT SULONG** dan **YANG BERHORMAT LEDANG** bertanyakan isu berkenaan Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) khususnya kes kematian anakanda Adam Rayqal dan anakanda Naufal Amsyar. Kementerian memandang serius dan bersimpati terhadap tragedi yang berlaku pada anakanda Adam Rayqal dan anakanda Naufal Amsyar. Kementerian menyambut baik cadangan **YANG BERHORMAT PARIT SULONG** agar keperluan pemantauan perkhidmatan pengasuh yang diiklankan melalui media sosial. Kementerian akan bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk pemantauan perkhidmatan pengasuh yang diiklankan melalui media sosial. Namun begitu, Kementerian menyeru orang awam untuk turut melaporkan melalui Talian Kasih 15999 sekiranya wujud perkhidmatan pengasuh yang mencurigakan di sosial media untuk tindakan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang selanjutnya.

14. Kementerian juga akan menambah baik dan memperkasa sistem daftar kanak-kanak sedia ada. Sistem ini akan memastikan sebarang pekerjaan yang melibatkan urusan dengan kanak-kanak termasuk pengasuh, disaring untuk meminimumkan risiko keselamatan kanak-kanak. Ini akan melibatkan kerjasama dengan pihak Polis Diraja Malaysia.
15. Kajian semula ke atas Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 [Akta 308] akan dilakukan dengan mengambil kira kategori berbeza bagi TASKA mengikut jumlah kanak-kanak yang diambil di bawah jagaan.
16. Sebagai permulaan, Bengkel Pindaan Akta Taman Asuhan Kanak-kanak [Akta 308] telah pun diadakan pada 11 Julai 2018 dan akan diadakan secara berterusan dengan pihak berkepentingan bagi memantapkan kawal selia TASKA di seluruh Malaysia. Satu Jawatankuasa Khas akan diwujudkan seperti mana yang telah dijawab semasa Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri (MQT) pada 24 Julai 2018.

17. **YANG BERHORMAT RANTAU PANJANG** membangkitkan isu mewujudkan TASKA di tempat kerja. Di antara sistem sokongan yang diwujudkan untuk wanita yang bekerja ialah kemudahan TASKA. Kerajaan telah menyediakan insentif berupa subsidi yuran pengasuhan TASKA dan pelepasan cukai sebagai sistem sokongan dalam menggalakkan wanita bekerja seperti yang dijawab semasa MQT pada 24 Julai 2018.

18. Dalam usaha kita untuk mencapai negara maju, kita memerlukan tenaga produktif yang besar termasuk wanita. Pada masa sekarang, walaupun wanita membentuk 48.42 peratus daripada populasi negara, hanya 54.6 peratus wanita berada dalam pasaran buruh. Di antara isu yang sering ditimbulkan dalam usaha menggalakkan lebih ramai wanita bekerja ialah kekurangan pusat penjagaan kanak-kanak yang berhampiran dengan tempat kerja.

19. Oleh itu, pihak Kementerian telah meletakkan sasaran untuk memastikan semua agensi kerajaan mempunyai pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja terutamanya mereka yang bekerja secara syif menjelang **1 Januari 2019**. Ini adalah selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 1989 yang telah menetapkan bahawa kemudahan TASKA hendaklah diadakan di

tempat kerja anggota-anggota perkhidmatan awam. Pencapaian sasaran ini walau bagaimanapun memerlukan kerjasama semua pihak terutama majikan. Oleh itu, semua kementerian diminta menyemak semula peruntukan sedia ada masing-masing bagi membolehkan kemudahan TASKA di tempat kerja diwujudkan.

**ISU ORANG
KURANG UPAYA
(OKU)**

Dato' Yang di-Pertua,

20. Untuk makluman **YANG BERHORMAT JOHOR BHARU**, JKM merupakan agensi yang bertanggungjawab untuk meneliti permohonan bantuan kepada Orang Kurang Upaya (OKU) di bawah Kementerian. JKM melalui Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Bilangan 3 Tahun 2018 telah menambah baik kriteria kelayakan penerima bantuan sedia ada, berkuat kuasa mulai 1 Julai 2018. Ini bermakna bantuan yang disalurkan hanya kepada golongan yang berkelayakan dan berkeperluan, tanpa surat sokongan dan campur tangan politik.
21. Setiap permohonan akan disiasat dan diberi pertimbangan sewajarnya berdasarkan kelayakan dan bukan hak, tanpa mengira latar belakang kaum, agama, jantina dan fahaman politik.
22. Sebagaimana **YANG BERHORMAT PASIR MAS** sedia maklum, Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) ditubuhkan dengan fokus utama untuk memberi peluang sama rata kepada OKU bagi diintegrasikan ke dalam masyarakat melalui program dan aktiviti pemulihan serta pendidikan yang dijalankan dalam komuniti. Pusat

ini juga diharap akan menggalakkan sikap prihatin, berdikari dan rasa tanggungjawab masyarakat setempat dalam program pemulihan OKU.

23. Kementerian memahami dan menyokong terdapatnya keperluan untuk meningkatkan kadar elaun kepada penyelia dan petugas PDK seperti yang dicadangkan kerana mereka memberikan sumbangan dan jasa yang amat besar dalam memastikan keberkesanan operasi PDK. Walau bagaimanapun, kajian dan penelitian menyeluruh perlu dilakukan supaya terdapat justifikasi ke atas kenaikan kadar elaun agar tidak membebankan kewangan kerajaan.
24. Jawatankuasa PDK juga diharapkan agar lebih kreatif dalam mencari dana bagi tujuan tersebut. Tindakan ini perlu dilihat secara positif agar PDK tidak bergantung kepada agihan geran daripada kerajaan semata-mata. Konsep PDK yang berasaskan komuniti sememangnya memerlukan kerjasama seumpama ini.
25. **YANG BERHORMAT PASIR MAS** turut menyentuh isu kemudahan mesra OKU di Bangunan Parlimen Malaysia. Kementerian menyambut baik cadangan Yang Berhormat dan

menggalakkan sebarang penambahbaikan infrastruktur di mana-mana agensi kerajaan termasuklah di Bangunan Parlimen. Kementerian sedia bekerjasama dengan Bahagian Parlimen Malaysia agar ianya mematuhi Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejangat dan mesra OKU.

26. Selain itu, Kementerian juga menyambut baik cadangan **YANG BERHORMAT PASIR MAS** agar keperluan *Speech dan Language Pathologist* (SLP) untuk memperluaskan perkhidmatan tidak hanya terhad di hospital kerajaan, hospital universiti dan di pusat pendidikan khas sahaja. Perbincangan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Tenaga Manusia dan Jabatan Perkhidmatan Awam tentang perkara ini wajar diadakan terlebih dahulu bagi memperincikan cadangan tersebut. Walau apa pun, ini adalah cadangan yang baik yang boleh dilaksanakan agar perkhidmatan pemulihan pertuturan bagi OKU dapat ditambah baik dan diperluaskan.

27. **YANG BERHORMAT MASJID TANAH** pula bertanyakan berkenaan isu kebajikan OKU khususnya OKU Mental. Kementerian melalui JKM ada menyediakan bantuan berbentuk geran kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) termasuk

PSK bagi OKU Mental untuk menjalankan program dan aktiviti kepada OKU Mental dan penjaga.

28. Walau bagaimanapun, semua PSK yang menerima geran juga digalakkan menjana pendapatan sendiri menerusi derma orang ramai, program CSR dan program *social enterprise*.
29. Selain itu, Program Mentari di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga merupakan satu daripada usaha Kerajaan ke arah sosialisasi OKU Mental dalam masyarakat.
30. Untuk makluman **YANG BERHORMAT MASJID TANAH**, syarikat-syarikat swasta yang mengambil pekerja OKU layak mendapat keistimewaan seperti berikut:
 - a. Potongan Berganda (*Double Deduction*) iaitu Potongan bagi Menggaji OKU dan Potongan Bagi Cukai Latihan yang diluluskan;
 - b. Potongan Tunggal/Khas (*Single Deduction*) iaitu Potongan bagi pengubahsuaian bangunan atau keperluan alat

sokongan OKU (Sub-Seksyen 34(6)(e) Akta Cukai Pendapatan 1967); dan

- c. Program Perkhidmatan *Job Coach* di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat menawarkan sokongan pekerjaan kepada OKU dengan bertindak sebagai perantara di antara majikan dan pekerja OKU. Syarikat yang berhasrat untuk mengambil OKU bekerja tidak perlu menanggung kos perkhidmatan *Job Coach* kerana Elaun Perkhidmatan *Job Coach* di tanggung oleh JKM.

31. **YANG BERHORMAT SIBU**, pendaftaran OKU yang dilaksanakan oleh Kementerian menerusi JKM berdasarkan kepada tahap kefungsiannya. Permohonan pendaftaran OKU oleh penghidap penyakit Parkinson boleh diluluskan oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat sekiranya pegawai perubatan mengesahkan bahawa pesakit berkenaan mengalami gangguan fungsi. Walau bagaimanapun, bukan semua pesakit Parkinson boleh didaftarkan sebagai OKU. Namun begitu, JKM menerusi Jawatankuasa Pendaftaran OKU di bawah Majlis Kebangsaan Bagi OKU sedang mengkaji pendaftaran OKU di kalangan mereka yang menghidapi

penyakit kronik dan persekitaran sosial yang turut menyumbang kepada ketidakupayaan seseorang.

ISU WARGA EMAS

/ PAWE

Dato' Yang di-Pertua,

32. Bagi menjawab pertanyaan **YANG BERHORMAT PORT DICKSON**, Kementerian menerusi JKM telah melaksanakan konsep pusat aktiviti harian ini melalui penubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE).
33. Sehingga kini terdapat 59 buah PAWE di seluruh negara dengan jumlah warga emas berdaftar seramai 36,000 orang dan 30 buah lagi dalam proses penubuhan menjadikan jumlah keseluruhan kepada 89 buah PAWE pada akhir tahun 2018. JKM berharap dalam tempoh empat (4) tahun akan datang, PAWE ini dapat diwujudkan sekurang-kurangnya satu PAWE di setiap Parlimen bagi membantu warga emas di kawasan berkenaan dengan penglibatan aktif komuniti setempat.
34. JKM juga amat mengalukan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) atau PSK untuk terlibat sama mewujudkan pusat-pusat jagaan/aktiviti harian warga emas di kawasan yang strategik dan berkeperluan.

35. Selain PAWE, Kementerian juga akan memperluaskan Program Khidmat Bantu di Rumah (*Home Help Service*). Program ini merupakan perkhidmatan sokongan dan pendampingan sosial yang disediakan oleh sukarelawan kepada warga emas dan OKU di rumah. Program ini juga bertujuan menyemarakkan perkhidmatan kesukarelaan (*volunteerism*) yang lebih tersusun dan berkesan seterusnya memperkasakan komuniti menerusi penglibatan aktif demi pembangunan dan kesejahteraan bersama. Sehingga tahun 2017, seramai 2,402 orang sukarelawan telah melibatkan diri dalam program ini dan telah memberi manfaat kepada 8,354 orang yang mana 6,614 orang adalah warga emas dan 1,740 orang OKU.

ISU WANITA

Dato' Yang di-Pertua,

36. Untuk makluman **YANG BERHORMAT SIBUTI, YANG BERHORMAT TENOM, YANG BERHORMAT RANTAU PANJANG, YANG BERHORMAT BATANG LUPAR, YANG BERHORMAT PETALING JAYA, YANG BERHORMAT KEPALA BATAS** dan **YANG BERHORMAT HULU SELANGOR**, salah satu matlamat Kerajaan melalui Dasar Wanita Negara adalah untuk membangunkan potensi dan mendayaupayakan wanita dari pelbagai lapisan masyarakat dan dalam semua sektor sebagai agen perubahan kepada masyarakat. Ini adalah kerana wanita juga adalah penyumbang kepada pembangunan ekonomi dan sosial negara.
37. Kerajaan melalui Kementerian dengan kerjasama *United Nations Development Programme* (UNDP) kini sedang dalam proses menyiapkan kajian *gender mainstreaming* bermula tahun 2016 sehingga tahun 2020 bagi memastikan isu-isu kesaksamaan gender dan pemerksaan wanita terus relevan dan sentiasa menjadi keutamaan dalam setiap perancangan termasuk penggubalan dasar di semua peringkat kebangsaan. Kementerian

bersikap terbuka dan sedang dalam perancangan untuk mengadakan sesi libat urus bagi membincangkan isu penglibatan wanita muda dalam bidang kepimpinan.

38. Selain itu, pelbagai program wanita yang bakal dirancang dan permohonan peruntukan kewangan untuk program-program tersebut adalah tertakluk kepada kelulusan Kementerian Kewangan.

39. **YANG BERHORMAT RANTAU PANJANG**, Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah melaksanakan program celik undang-undang yang sebelum ini dikenali sebagai Literasi Undang-undang yang telah dimulakan sejak tahun 2009 dan kini ditambah baik dan dijenamakan semula sebagai Klinik Guaman. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan pemahaman mengenai gender secara umum dan hak-hak wanita serta isu-isu yang berkaitan. Ianya juga bertujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan kefahaman mengenai hak-hak perundangan bagi menjamin kebajikan dan maruah kaum wanita. Program ini juga membantu meningkatkan celik akal dan memberi maklumat kepada wanita dan masyarakat tentang

saluran aduan dan bantuan yang disediakan kepada mangsa keganasan rumah tangga.

40. Pada tahun ini, sebanyak 14 Klinik Guaman telah dilaksanakan di Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN) dengan jumlah peserta seramai 1,000 orang.

41. Bagi menjelaskan pertanyaan **YANG BERHORMAT BATANG LUPAR**, program Tahun Memperkasa Wanita 2018 telah ditamatkan mulai Jun 2018 untuk memberi fokus kepada program-program substantif seperti kesaksamaan gender, pemerikasaan ekonomi, dan kesejahteraan wanita dan mengurangkan program-program bersifat majlis dan keramaian semata-mata. Kementerian juga akan melaksanakan kajian impak terhadap program-program yang telah dijalankan sebelum ini bagi menilai sama ada program-program tersebut telah mencapai sasaran atau *outcome* seperti mana yang telah ditetapkan dan membuat penambahbaikan di mana berkaitan termasuk memastikan penggunaan sumber kewangan yang optimum.

42. **YANG BERHORMAT KEPALA BATAS**, kemiskinan di kalangan wanita merupakan salah satu sektor yang disenaraikan di bawah

Pelan Tindakan Pembangunan Wanita. Antara strategi yang digariskan adalah mendayaupayakan wanita untuk menjana pendapatan, meningkatkan sokongan kerajaan seperti pewujudan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan mewujudkan jaringan keselamatan sosial seperti cadangan untuk caruman KWSP kepada suri rumah seperti yang telah diumumkan.

43. **YANG BERHORMAT HULU SELANGOR**, Kementerian melalui JPW juga telah mengambil inisiatif untuk membantu semua golongan wanita sama ada bandar atau luar bandar menjana pendapatan agar dapat meningkatkan simpanan kewangan melalui program *Development of Women Entrepreneurs Initiative* (DeWI). Program ini menggunakan konsep inkubator atau *hand holding* (latih dan bimbing) yang mana wanita akan diberikan latihan kemahiran dan penyeliaan yang rapi agar mereka mampu menjana pendapatan dan meningkatkan kualiti hidup mereka sekeluarga berbekalkan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi. Pada tahun ini, sebanyak 18 program telah dilaksanakan oleh PPWN, Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah (JHEWA), dan Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (JWKS) dengan jumlah peserta seramai 431 orang.

44. Manakala *Two Years Exit Programme* (2YEP) pula merupakan satu pendekatan *Productive Welfare* bagi membantu penerima bantuan kebajikan ke arah hidup berdikari dan tidak bergantung kepada bantuan selama-lamanya dengan memperkasakan klien serta menggiatkan program-program ke arah pembangunan modal insan. Melalui program ini, JKM berusaha untuk mewujudkan satu eko-sistem yang menyokong klien untuk melaksanakan perubahan ke arah kesejahteraan hidup yang lebih produktif.

ISU GENDER

Dato' Yang di-Pertua,

45. Untuk makluman **YANG BERHORMAT TENOM, YANG BERHORMAT MERBOK, YANG BERHORMAT BATU KAWAN, YANG BERHORMAT BATANG LUPAR** dan **YANG BERHORMAT PETALING JAYA**, Kementerian sedang giat mengadakan sesi rundingan bagi membincangkan kerangka dan kandungan yang akan dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk digubal menjadi satu akta kesaksamaan gender.
46. Selain itu, Kementerian juga telah mengadakan beberapa sesi libat urus bersama Kementerian Luar Negeri dan NGO bagi mendapatkan pandangan dan persetujuan untuk mewujudkan satu akta khusus bagi menangani isu kesaksamaan gender.
47. Seterusnya, bagi tujuan tersebut, Kementerian akan mengadakan beberapa sesi libat urus bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), badan-badan keagamaan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri pada bulan Ogos 2018 bagi mendapatkan pandangan dan maklum balas daripada pihak pemegang taruh yang berkaitan.

48. Untuk penjelasan **YANG BERHORMAT MERBOK**, Kementerian sentiasa menyokong dasar Kerajaan yang memberi peluang sama rata kepada semua, selari dengan prinsip kesamarataan dalam Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan.
49. Ideologi gender telah lama berakar umbi dalam minda masyarakat dan mencorak tingkah laku dan keluarga terhadap kaum wanita dan lelaki. Amalan dan persepsi gender ini merupakan penghalang utama dalam pembangunan pemikiran dan juga menghalang kesamarataan dalam banyak aspek termasuk peluang mendapatkan bantuan dan pekerjaan bagi golongan wanita dan ibu tunggal.
50. Kementerian melalui JPW akan mengadakan sesi libat urus dan penerangan mengarus perdana gender di setiap kementerian bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman di kalangan pegawai awam mengenai konsep berkaitan gender, kesaksamaan dan pembangunan agar setiap program yang dirancang dan dilaksanakan mengambil kira keperluan gender.

51. Oleh itu, cadangan **YANG BERHORMAT PETALING JAYA** berhubung pewujudan *Parliament Select Committee* berkenaan kesaksamaan gender adalah tertakluk kepada dapatan pihak Kerajaan mengenai cadangan mewujudkan akta ini melalui sesi libat urus yang telah dan akan dilaksanakan.
52. Kepada **YANG BERHORMAT BATU KAWAN** yang telah menyentuh isu kesaksamaan gender untuk remaja hamil yang masih bersekolah. Bagi remaja hamil yang ditempatkan di institusi kendalian Kementerian, mereka akan meneruskan pendidikan di sekolah-sekolah Kerajaan yang berhampiran. Mereka juga akan berpeluang untuk melanjutkan pelajaran selepas melahirkan anak dengan sokongan JKM.
53. Sebagai langkah bagi membendung gejala remaja hamil, Kementerian sedang meneliti pencapaian Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan (PEKERTI) di bawah LPPKN dan akan mencadangkan penambahbaikan terhadap Dasar dan Pelan Tindakan ini dalam masa terdekat. Dasar ini terpakai kepada semua kumpulan masyarakat bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan dalam bidang kesihatan reproduktif dan sosial.

54. Selain daripada itu, Kementerian melalui LPPKN telah menjalankan kajian *Youth Intervention : Best Practices of Youth Intervention in Malaysia* yang dalam fasa terakhir dan akan diterbitkan pada akhir tahun 2018. Hasil daripada kajian ini akan digunakan bagi membangunkan modul pendidikan menangani isu seksual, kesihatan reproduktif dan sosial dalam kalangan remaja.

ISU KWSP

Dato' Yang di-Pertua,

55. **YANG BERHORMAT PARIT SULONG** dan **YANG BERHORMAT LANANG** menyentuh isu Pelaksanaan Caruman 2 peratus KWSP. Perkara ini juga telah dijawab dalam sesi Pertanyaan-Pertanyaan Bagi Jawab Lisan pada 18 Julai 2018 dan Ucapan di bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17) di Kamar Khas pada semalam, 30 Julai 2018.
56. **YANG BERHORMAT BEAUFORT**, Pelaksanaan skim KWSP untuk suri rumah adalah inisiatif Kerajaan bagi menggalakkan rakyat Malaysia mula menabung melalui pembukaan akaun KWSP dan seterusnya mencarum untuk diri sendiri. Bagi pelaksanaan skim KWSP suri rumah Fasa 1, dianggar akan memanfaatkan seramai 102,693 orang suri rumah yang terdiri daripada isteri kepada Ketua Isi Rumah (KIR) kategori miskin dan miskin tegar yang berdaftar dengan Sistem eKasih kendalian Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU JPM). Daripada jumlah suri rumah tersebut, Kerajaan dianggarkan akan memperuntukkan sebanyak RM21 juta bagi tahun 2018 dan RM50 juta bagi tahun 2019.

57. Bagi suri rumah yang bekerja tetapi tidak mencarum dengan KWSP dan tidak layak di bawah skim KWSP suri rumah ini, KWSP turut menyediakan skim caruman secara sukarela di bawah Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia. Konsep SP1M adalah menggalakkan caruman secara sukarela ke dalam akaun KWSP mengikut kemampuan. Simpanan ini akan menerima sumbangan padanan daripada Kerajaan sebanyak 15 peratus dari amaun caruman tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM250 setahun. SP1M juga terpakai untuk suami yang bekerja sendiri dan tidak mencarum dengan KWSP.
58. Skim ini merupakan skim baharu yang diperkenalkan oleh Kerajaan kepada suri rumah. Oleh yang demikian, Kerajaan sedang dalam proses untuk merangka mekanisme yang bersesuaian melalui perbincangan dengan kementerian dan agensi yang terlibat agar skim ini dapat dinikmati oleh semua suri rumah di Malaysia.

ISU IBU TUNGGAL

Dato' Yang di-Pertua,

59. Bagi menjawab pertanyaan **YANG BERHORMAT MERBOK, YANG BERHORMAT RANTAU PANJANG** dan **YANG BERHORMAT HULU SELANGOR**, Kerajaan melalui Kementerian telah merangka satu Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal (2015-2020) yang komprehensif dan merangkumi aspek pemerkasaan dari segi ekonomi, sosial serta penyelidikan dan penyelarasan.
60. Pelan Tindakan tersebut telah mengambil kira pandangan dan maklum balas semua pihak yang berkepentingan, melalui beberapa sesi rundingan dan bengkel yang melibatkan ibu-ibu tunggal, wakil agensi Kerajaan, NGO, institusi pengajian tinggi dan sektor swasta.
61. Pelan ini adalah selaras dengan falsafah Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita atau *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women* (CEDAW) yang menekankan prinsip memperkasa wanita demi pembangunan sosial ekonomi mereka.

62. Salah satu definisi ibu tunggal diambil kira dalam Pelan ini ialah perempuan yang menjadi Ketua Isi Rumah, bertaraf perkahwinan balu atau bercerai atau berpisah tetap dan mempunyai anak yang belum berkahwin dalam isi rumah yang sama. Oleh itu, definisi ini telah merangkumi ibu tunggal/ ibu tunggal yang mana kedudukan mereka tidak jelas status perkahwinan tanpa penceraian yang sah dan layak memohon bantuan.
63. Bagi menjawab cadangan **YANG BERHORMAT RANTAU PANJANG** berkenaan memanjangkan tempoh cuti iddah bagi urusan kematian pasangan, Kerajaan memperuntukkan Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat selama tiga (3) hari seperti yang digariskan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2015. Cadangan pemanjangan tempoh cuti bagi urusan kematian suami boleh diperhalusi sekiranya ada keperluan.
64. **YANG BERHORMAT HULU SELANGOR**, melalui Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal ini, Kementerian telah merangka strategi memperkasa ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan sosial semua golongan ibu tunggal di bandar dan

luar bandar agar mampu bersaing dan meningkatkan taraf kehidupan masing-masing. Hasil daripada Pelan tersebut, Kementerian melalui JPW juga telah menerbitkan direktori bantuan sosio ekonomi wanita yang telah dilancarkan pada 2017, menggariskan bentuk-bentuk bantuan yang boleh dimanfaatkan oleh kaum wanita yang berminat dalam bidang keusahawanan ini dan bagi memudahkan lagi hebahan dan penyampaian maklumat kepada masyarakat luar khususnya Ibu tunggal, yang mengandungi maklumat program dan pembiayaan daripada sektor kerajaan yang terdiri daripada pelbagai kementerian dan agensi. Kementerian juga bercadang untuk menambah baik jentera dan mekanisme pemantauan sehinggalah di peringkat akar umbi. Platform baru yang dicadangkan nanti akan lebih menyeluruh dan melibatkan semua golongan wanita di negara ini.

ISU AKTA / PERUNDANGAN

Dato' Yang di-Pertua,

65. Untuk makluman **YANG BERHORMAT BATU KAWAN**, *Stalking online* merupakan jenayah baru dalam masyarakat kini yang berkembang selari dengan kepesatan inovasi teknologi serta penggunaan media sosial.

66. Kementerian akan melakukan satu kajian untuk meneliti keperluan untuk mewujudkan akta khusus bagi menangani isu gangguan seksual dengan mendapatkan maklum balas masyarakat, data serta kaedah pembuktian dalam kes-kes yang terlibat seterusnya membantu dalam merangka dasar dan strategi menangani isu gangguan seksual. Justeru, elemen *stalking online* boleh diambil kira dalam kajian tersebut.

ISU-ISU LAIN

Dato' Yang di-Pertua,

67. **YANG BERHORMAT RANTAU PANJANG** juga telah membangkitkan isu berkenaan sosial. Selaras dengan Artikel 8 Perlembagaan Malaysia mengenai hak kesamarataan, Kementerian tidak mendiskriminasi golongan Lesbian, Gay, Bisexual dan Transgender (LGBT) khususnya dalam mendapatkan bantuan dan perkhidmatan di bawah Kementerian.
68. Walau bagaimanapun, golongan LGBT ini masih tertakluk di bawah Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559] yang terpakai kepada masyarakat beragama Islam dan apa-apa kesalahan yang diperuntukkan di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
69. Kementerian juga terus menyokong program-program yang dilaksanakan oleh JAKIM untuk mendekati dan menyantuni golongan LGBT dalam usaha menangani isu sosial ini.

70. Selain itu, **YANG BERHORMAT RANTAU PANJANG** juga memberi cadangan agar saya memikul tanggungjawab untuk melaksanakan program-program bagi mengembalikan kekuatan dan keutuhan institusi keluarga. Kementerian melalui LPPKN akan meneruskan usaha-usaha bagi meningkatkan kesejahteraan institusi keluarga di Malaysia menerusi program dan perkhidmatan kekeluargaan. Dalam hal ini, sekali lagi saya menegaskan bahawa kerjasama semua pihak adalah diperlukan bagi memastikan keutuhan institusi keluarga di negara ini melibatkan pihak suami, isteri, keluarga mahupun masyarakat sekeliling.
71. **YANG BERHORMAT RANTAU PANJANG**, Kementerian mengambil maklum akan keprihatinan masyarakat terhadap golongan gelandangan dan isu-isu yang dihadapi oleh mereka. Isu gelandangan merupakan satu isu urbanisasi yang berlaku di bandar-bandar besar di seluruh dunia. Di negara kita, golongan gelandangan tertumpu sebilangan besarnya di Lembah Klang dan bandar-bandar besar lain seperti Johor Bahru, Pulau Pinang dan Kuching.

72. Pendekatan yang diambil bagi menangani isu gelandangan antaranya adalah Operasi penyelamat, Anjung Singgah, Rumah Bimbingan Gelandangan, Sekretariat Penyelarasan Bagi Menangani Isu Golongan Gelandangan dan Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur.
73. Walaupun segala usaha telah diambil oleh Kementerian, namun operasi penyelamat gelandangan ini hanya berjaya sekiranya golongan ini sendiri ingin mengubah cara kehidupan mereka. Masyarakat juga harus sama-sama memainkan peranan untuk membanteras isu gelandangan.
74. Untuk makluman **YANG BERHORMAT BATU KAWAN**, Kementerian tidak mempunyai statistik khusus berhubung bilangan bayi-bayi yang terbuang yang dikategorikan sebagai anak luar nikah atau pun hasil dari perkahwinan kanak-kanak.
75. Statistik kes pembuangan bayi yang diperolehi dari PDRM adalah merangkumi statistik pembuangan bayi mengikut negeri, mengikut bangsa / kaum dan umur ibu / bapa / suspek yang melakukan perbuatan tersebut sahaja.

76. Sungguhpun demikian, LPPKN mempunyai modul dan program berkaitan pendidikan kesihatan seksual sebagai satu langkah intervensi bagi menangani isu ini.

PENUTUP

Dato' Yang di-Pertua,

77. Sekali lagi terima kasih kepada keprihatinan semua Ahli Yang Berhormat kerana telah menyatakan kerisauan, pandangan dan cadangan ke atas isu berkaitan dengan wanita, kanak-kanak, orang kurang upaya, warga emas dan gelandangan. Saya berharap penjelasan sebentar tadi telah menjawab segala persoalan serta dapat memberi gambaran yang lebih jelas terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sepanjang tempoh perbincangan. Kementerian mengambil perhatian terhadap semua teguran dan pandangan yang telah diutarakan oleh setiap Ahli Yang Berhormat dan seterusnya diterjemahkan melalui tindakan sewajarnya. Saya juga tetap ingin memperingatkan bahawa masalah serta gejala sosial juga merupakan tanggungjawab semua dan ianya hasil daripada kelemahan dalam bidang pendidikan, ekonomi dan lain-lain. Oleh itu sememangnya ia bukan sahaja memerlukan kerjasama padu dari semua agensi Kerajaan, malah di peringkat komuniti dan dari Ahli-ahli Yang Berhormat juga. Saya ingin menyeru kepada semua Ahli Yang Berhormat untuk terus menyokong usaha-usaha Kerajaan khususnya Kementerian Pembangunan Wanita,

Keluarga dan Masyarakat bagi memastikan setiap lapisan masyarakat dan semua rakyat menerima faedah dan terus dilindungi demi kesejahteraan Negara.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan terima kasih.